

# GARIS PANDUAN PENGURUSAN & LATIHAN

EDISI  
2 (2024)



# PISPA

## POLITEKNIK MALAYSIA

# GARIS PANDUAN

**PASUKAN INSTITUSI PERTAHANAN AWAM  
MALAYSIA (PISPA) POLITEKNIK MALAYSIA  
EDISI 2(2024)**



**PASUKAN INSTITUSI  
PERTAHANAN AWAM MALAYSIA**

SEDIA, PANTAS DAN BERINTEGRITI

## ©Jabatan Pendidikan Politeknik Dan Kolej Komuniti


### Penulis

Sekretariat PISPA Politeknik Malaysia

### Diterbitkan pada 2024

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini yang boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat, sama ada dengan cara elektronik, gambar dan rakaman serta sebagainya tanpa kebenaran penulis.

e ISBN 978-629-7550-14-5



### Diterbitkan Oleh:

Jabatan Pendidikan Politeknik Dan Kolej Komuniti  
Kementerian Pengajian Tinggi, Aras 4,  
Galeri, PjH, Jalan P4W,  
Persiaran Perdana Presint 4,  
62100 Putrajaya

🏠 <https://www.mypolycc.edu.my/>

☎ 03-8891 9000

🏢 03-8891 9300

✉ [ukk.jppkk@mohe.gov.my](mailto:ukk.jppkk@mohe.gov.my)

## ISI KANDUNGAN

Sekapur Sireh Datuk Ketua Pesuruhjaya APM	v
Seulas Bicara Ketua Pengarah JPPKK	vi
Prakata	vii
Jawatankuasa Penerbitan	viii
Glosari	ix
<b>BAB 1 : PENDAHULUAN</b>	<b>01</b>
1.1 Punca Kuasa	
1.2 Pengenalan	
1.3 Matlamat	
1.4 Objektif	
1.5 Logo APM dan Logo PISPA	
1.6 Lagu Pertahanan Awam	
<b>BAB 2 : PENUBUHAN PISPA</b>	<b>08</b>
2.1 Prosedur Penubuhan PISPA	
2.2 Stuktur Organisasi PISPA	
2.3 Jawatankuasa PISPA	
2.4 Tugas dan Tanggungjawab	
<b>BAB 3 : KEANGGOTAAN DAN PANGKAT</b>	<b>15</b>
3.1 Keanggotaan Pasukan Institusi Siswa Pertahanan Awam (PISPA)	
3.2 Pegawai Penyelaras PISPA Politeknik	
3.3 Perlantikan Pegawai Kehormat Dan Bersekutu PISPA Politeknik	
3.3 Syarat-Syarat Perlantikan	
3.4 Tugas dan Tanggungjawab Pegawai Kehormat & Bersekutu APM	

<b>BAB 4 : PENTADBIRAN</b>	<b>22</b>
4.1 Bayaran Elaun dan Peruntukan Kewangan	
4.2 Perlindungan Insurans Berkelompok	
4.3 Mesyuarat	
4.4 Lain-lain program	
4.5 Tugas	
4.6 Pemakluman	
<b>BAB 5 : LOGISTIK</b>	<b>26</b>
5.1 Pakaian	
5.2 Pengangkutan	
5.3 Peralatan Latihan	
<b>BAB 6 : KURIKULUM LATIHAN</b>	<b>28</b>
6.1 Objektif Latihan	
6.2 Bidang Latihan	
6.3 Kaedah Latihan	
6.4 Silibus PISPA Politeknik	
6.5 Pentauliahan Staff Muda Pertahanan Awam	
6.6 Penilaian	
6.7 Syarat-Syarat Pentauliahan	
<b>BAB 7 : PAKAIAN SERAGAM</b>	<b>35</b>
7.1 Peraturan dan Garis Panduan Pemakaian Pakaian Seragam	
7.2 Lencana dan Pangkat	
<b>LAMPIRAN</b>	<b>38</b>
Borang Penubuhan PISPA	
Jawatakuasa PISPA JPPKK	
Jawatankuasa Sekretariat	
Jawatankuasa PISPA Politeknik	
Pakaian Seragam	
Pangkat	

## SEKAPUR SIREH

### KETUA PESURUHJAYA ANGKATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan taufik dan hidayah-Nya, Buku Garis Panduan Pasukan Institusi Pertahanan Awam (PISPA) Politeknik Malaysia edisi 2(2024) ini dapat disempurnakan penyusunan dan penerbitannya.

Penerbitan buku garis panduan ini merupakan satu bahan ilmiah yang menjadi rujukan utama PISPA. PISPA diperkenalkan sebagai kursus kokurikulum berkredit selama dua (2) semester yang merangkumi silibus-silibus Pertahanan Awam untuk melayakkan pegawai ditauliahkan sebagai Pegawai Pasukan Pertahanan Awam dengan pangkat Staf Muda Pertahanan Awam.

Pihak Angkatan Pertahanan Awam Malaysia bertanggungjawab untuk melahirkan generasi Pegawai Pasukan Pertahanan Awam yang berkaliber serta mampu menghadapi cabaran globalisasi. Dalam Pertahanan Menyeluruh atau dikenali sebagai HANRUH, APM dipertanggungjawabkan dalam komponen Kesiapsiagaan Awam, iaitu latihan dan kesedaran masyarakat menjadi agenda utama dalam komponen tersebut.

Saya berasa bangga dengan komitmen dan semangat kerjasama tinggi yang telah diberikan oleh semua pihak dalam merealisasikan untuk mendokumentasikan buku ini. Setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung yang bertungkus lumus sehingga terbitnya Buku Garis Panduan PISPA Politeknik Malaysia ini.

Semoga PISPA menjadi satu pasukan beruniform Politeknik yang mantap dalam menghasilkan graduan holistik yang berkeyakinan tinggi, berketerampilan, dan bertanggungjawab di samping mempunyai pencapaian akademik yang membanggakan.

Sekian, terima kasih.

**Datuk KPj. (PA) Aminurrahim Bin Mohamed**

Ketua Pesuruhjaya

Angkatan Pertahanan Awam Malaysia



## SEULAS BICARA

### KETUA PENGARAH JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK & KOLEJ KOMUNITI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.



Syabas dan tahniah kepada Angkatan Pertahanan Awam Malaysia dan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti yang bekerjasama dalam pemurnian edisi 2(2024) Buku Garis Panduan Pasukan Institusi Pertahanan Awam (PISPA) Politeknik Malaysia ini dengan jayanya.

Sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi, penawaran kegiatan kokurikulum berkredit adalah merupakan antara wadah utama yang membuka ruang, peluang dan pendedahan kepada pelajar untuk meneroka aspek kemahiran pembentukan sahsiah diri sejajar dengan hasrat Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam melahirkan graduan holistik dan seimbang. Pelajar Politeknik digalakkan menyertai aktiviti badan beruniform agar nilai-nilai murni dan input positif dapat disemai dalam jiwa mereka. Para pensyarah sentiasa memberikan dorongan kepada pelajar untuk mengimbangi penglibatan dalam bidang akademik dengan kegiatan luar dewan kuliah melalui pendekatan pembelajaran berasaskan pengalaman (*experiential learning*). Saya yakin dan percaya penglibatan pelajar dalam aktiviti sebegini berjaya mencapai matlamat yang disasarkan.

Dikesempatan ini juga saya mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Angkatan Pertahanan Awam Malaysia yang telah memberikan komitmen padu, dedikasi serta kerjasama jitu dalam menjayakan semua perancangan yang telah direncanakan oleh PISPA. Semoga dengan adanya hubungan baik ini akan menjalin perkongsian informasi dan pengetahuan ke arah pencapaian yang lebih baik dan memberi sinergi kepada kedua pihak sekaligus dapat memberi impak kepada para pelajar dan komuniti setempat.

Akhir kata, semoga PISPA dapat memainkan peranan yang lebih proaktif dan konsisten dalam membentuk jati diri pelajar untuk menjadi insan yang berguna kepada agama dan negara.

Sekian, terima kasih.

**PPj Bersekutu (PA) Dr. Haji Mohd Zahari Bin Ismail**  
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

## PRAKATA



Pasukan Institusi Pertahanan Awam (PISPA) merupakan salah satu cabang kokurikulum unit beruniform yang ditawarkan di Politeknik Malaysia. PISPA telah ditubuhkan pada tahun 2014. Sebanyak 28 buah politeknik telah menawarkan kokurikulum PISPA pada masa kini. Bagi melancarkan pengurusan PISPA di Politeknik, Pegawai Bersekutu pelbagai pangkat telah dilantik di Politeknik yang menawarkan kokurikulum PISPA. Pegawai bersekutu terdiri daripada pegawai-pegawai politeknik.

Penambahbaikan silibus PISPA telah digubal selaras dengan kehendak dan keperluan semasa APM. Pelajar perlu melengkapkan empat semester dan wajib lulus empat kursus wajib bagi melayakkan pelajar ditauliahkan sebagai Pegawai Sukarela Gred 13 dengan pangkat Staf Muda (PA). Anggota PISPA merupakan permulaan bagi pihak Jabatan untuk mewujudkan pelajar yang berpengetahuan serta mempunyai kemahiran yang tinggi.

Justeru Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) mengambil langkah menyediakan Buku Garis Panduan Pasukan Institusi Pertahanan Awam (PISPA) supaya dapat menjadikan panduan kepada Politeknik.



## PANEL PENGUBAL

### Urus Setia

PPj. (PA) Ts. Dr. Mohamad Fazli Bin Sardi A.M.N  
Lt. Kol (PA) Mohd Izuan Bin Berahim (APM)  
Mejar Bersekutu (PA) Dr. Shahiza Binti Ahmad Zainuddin (JPPKK)  
Mej. (PA) Wirdana Kesuma Binti Mohamad Jaya (APM)  
Kapt. Bersekutu (PA) Faizuddin Bin Hassan (JPPKK)  
Lt. M (PA) Muhammad Rohaizan Bin Mohd Ali Hanafiah (APM)  
Lt. M (PA) Noor Fhatin Atiqrah Liaana Binti Abdullah (APM)  
Pbt. (PA) Nurhanisah Binti Muhayan (APM)  
Pbt. (PA) Mohd Azrul Bin Md Said (APM)

### Penulis

Mejar (PA) Dr. Yusni Bin Mohamad Yusak (PNS)  
Kapt. (PA) Mohd Sanusi Bin Deraman (Sekretariat)  
Kapt. (PA) Amran Bin Md Yunus (Sekretariat)  
Kapt. (PA) Hasmawazi Bin Hamzah (Sekretariat)  
Kapt. (PA) Aljibin Bin Suddin (APM)  
Kapt. (PA) Diana Binti Kasman (APM)  
Kapt. (PA) Mohammad Fairul Asikin Bin Kadir (APM)  
Kapt. (PA) Anas Bin Md Salleh (APM)  
Kapt. (PA) Zulkurnain Bin Shuib (APM)  
Kapt. Bersekutu (PA) Nasrul Ifzan Bin Ismail (Sekretariat)  
Kapt. Bersekutu (PA) Ts. Mohd Syafaril Bin Jamaluddin (Sekretariat)  
Kapt. Bersekutu (PA) Mohd Kamal Bin Md. Desa (Sekretariat)  
Kapt. Bersekutu (PA) Mohammed Ilias Bin Harun Habib Amad Patel (Sekretariat)  
Kapt. Bersekutu (PA) Azizul Izham Bin Abdul Rahim (Sekretariat)  
Kapt. Bersekutu (PA) Fahzaliza Binti Ahmad Affandi (Sekretariat)  
Kapt. Bersekutu (PA) Amirul Balkis Binti Abu Bakar (Sekretariat)  
Lt. (PA) Azli Bin Muhidin (APM)  
Lt. (PA) Abdullah Bin Mohamad (APM)  
Lt. (PA) Noor Azizuazwan Bin Mohamad Noor (APM)  
Lt. (PA) Mohd Tamizi Bin Ramly (APM)  
Lt. M (PA) M. Khairul Mukmin Bin Ahmad Muhaimin (Sekretariat)  
Masniza Binti Mansor (JPPKK)  
Norazila Binti Suboh (JPPKK)

### Pereka Grafik

Kapt (PA) Mohd Sanusi Bin Deraman (Sekretariat)  
Lt. (PA) Noor Faizah Binti Zohardin (PPD)

## GLOSARI

APM	: Angkatan Pertahanan Awam Malaysia
AUKU	: Akta Universiti & Kolej Universiti 1971 pindaan 1996
ICDO	: International Civil Defence Organization
IPPA	: Ibu Pejabat Pertahanan Awam
JPPKK	: Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komoniti
KPT	: Kementerian Pendidikan Tinggi
MERS 999	: Malaysian Emergency Response System 999
MKN	: Majlis Keselamatan Negara
PISPA	: Pasukan Institusi Pertahanan Awam
PNPA	: Pejabat Negeri Pertahanan Awam
PDPA	: Pejabat Daerah Pertahanan Awam
PPAD	: Pegawai Pertahanan Awam Daerah
PPAN	: Pengarah Pertahanan Awam Negeri
PS 13	: Pegawai Sukarela Gred 13
ILPA	: Institut Latihan Pertahanan Awam
TKP (O)	: Timbalan Ketua Pengarah Operasi
FLRS	: First Responder Life Support

# 1

## **PENDAHULUAN**

- Punca Kuasa
- Pengenalan
- Matlamat
- Objektif
- Logo APM dan Logo PISPA
- Lagu Pertahanan Awam

## **BAB 1 PENDAHULUAN**

### **1.1 PUNCA KUASA**

- 1.1.1 Akta Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (Akta 221)
- 1.1.1 Akta Universiti & Kolej Universiti 1971 (Akta 30)
- 1.1.2 Akta 174, Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976
- 1.1.3 Piawaian Pertahanan Awam Antarabangsa (ICDO)
- 1.1.4 Majlis Keselamatan Negara (Arahan MKN 20)
- 1.1.5 Kaedah / Peraturan Pertahanan Awam yang berkuatkuasa
- 1.1.6 Dasar Kementerian Pendidikan Tinggi yang berkaitan
- 1.1.7 Arahan APM / JPPKK / Politeknik / Pekeliling yang berkaitan
- 1.1.8 Bengkel Penyelarasan Kokurikulum bagi Sekretariat Pasukan Institusi Pertahanan Awam (PISPA) Politeknik Malaysia Bil. 3/2022

### **1.2 PENGENALAN**

Politeknik Malaysia pada ketika ini giat bekerjasama dengan pasukan badan beruniform. Antaranya adalah kerjasama dengan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dan Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia (JPBM) bagi penubuhan Pasukan Institusi Pertahanan Awam (PISPA), Askar Wataniah, Briged RELA Siswa Siswi (RELASIS) dan Bridged Bomba.

Sejajar dengan itu, untuk mencapai salah satu daripada lapan teras pembangunan kemahiran insaniah yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi iaitu teras kesukarelawan di manapara pelajar akan diterapkan nilai-nilai positif apabila menyertai mana-mana pasukan badan beruniform agar dapat melahirkan golongan pelajar yang mantap dari segi akademik, fizikal, mental dan kemahiran insaniah.

Keseimbangan semua aspek ini menjadi tunjang kepada kepentingan penubuhan PISPA di Politeknik Malaysia. Penubuhan ini dapat memberi manfaat kepada pelajar itu sendiri, jabatan, politeknik, masyarakat dan negara.

Sehingga kini, PISPA telah ditubuhkan di 28 buah politeknik seluruh Malaysia. Dengan kerjasama ini, banyak aktiviti telah dilaksanakan samada peringkat kebangsaan atau politeknik pada setiap tahun. Antara aktiviti yang dijalankan ialah kem tahunan (Malaysian Civil Defence Annual Camp, MalPCiDAC), pentauliahan, kursus asas, kursus kemahiran, kursus metodologi latihan dan kursus bakal pegawai.

### 1.3 MATLAMAT

Penubuhan PISPA sebagai landasan kepada angkatan untuk melahirkan anggota yang berkepimpinan, berkelayakan dan professional dalam Angkatan Pertahanan Awam.

#### 1.3.1 Umum

- a) Memperkasakan kemahiran insaniah (*soft skill*) dalam kalangan pelajar.
- b) Memupuk nilai jati diri dan menyemaikan semangat patriotik cintakan tanah air.
- c) Membina semangat bekerjasama dan kesukarelawanan antara pelajar dengan masyarakat.

#### 1.3.2 Khusus

- a) Membentuk pelajar yang lebih responsif sebagai *first responder* terhadap bencana.
- b) Membina insan yang berketrampilan, bersahsiah tinggi, berdaya tahan mental dan fizikal, berkeyakinan, berfikir secara kreatif, inovatif dan kritis dalam membuat keputusan dan penyelesaian masalah.

## **1.4 OBJEKTIF**

- 1.4.1 Mendidik pelajar mengenai langkah-langkah keselamatan diri dan orang awam serta membentuk keperibadian mereka untuk menjadi seorang individu yang berpengetahuan dalam ilmu Pertahanan Awam.
- 1.4.2 Menjadi pemangkin kepada kesedaran keselamatan orang awam melalui ilmu Pertahanan Awam.
- 1.4.3 Melahirkan pelajar yang mampu berkhidmat dengan Angkatan Pertahanan Awam sebagai Pegawai Pasukan yang berkepimpinan, bertanggungjawab dan berkepercayaan dalam melaksanakan tugas.
- 1.4.4 Menanam semangat kerjasama, bertanggungjawab, berperikemanusiaan dan semangat patriotisme.

## 1.5 LOGO APM & PISPA

### 1.5.1 Takrifan Logo APM



Logo Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM)

#### **KONSEP LOGO**

Untuk menonjolkan Pertahanan Awam di peringkat tempatan dan antarabangsa.

#### **SEGITIGA SAMA DAN WARNA OREN**

Adalah lambang dan warna keselamatan iaitu waspada dan sedia menghadapi sebarang kemungkinan. Warna dan corak di tengah segitiga adalah gabungan warna dan corak bendera serta perlembagaan negara Malaysia yang sentiasa dipertahankan.

#### **SENTIASA SIAP SEDIA**

Untuk menonjolkan fungsi Pertahanan Awam melalui gabungan perlembagaan Pertahanan Awam peringkat antarabangsa dan juga tempatan.

#### **BUNGA PADI BERWARNA BIRU**

Berwarna biru melambangkan kesuburan dan kemakmuran negara ini yang perlu dipertahankan melalui keharmonian dan perpaduan yang kukuh seperti digambarkan oleh ikatan yang kemas pada bunga padi.

### 1.5.2 Takrifan Logo PISPA



Logo Pasukan Institusi Pertahanan Awam (PISPA)

Tujuan logo ini diperkenalkan adalah sebagai simbol bagi maksud Pertahanan Awam dan perkataan PISPA dalam logo ini adalah merujuk kepada Pasukan Institusi Pertahanan Awam (PISPA) di Politeknik Malaysia.

<b>OREN</b>	Warna keselamatan Antarabangsa
<b>BIRU</b>	Warna Koporat Pasukan Pertahanan Awam Antarabangsa (ICDO - International Civil Defense Organisation)
<b>LOGO BENTUK SEGITIGA</b>	Teras kepada logo Pasukan Pertahanan Awam Antarabangsa (ICDO)



## 1.6 LAGU PERTAHANAN AWAM

### **SENTIASA BERSEDIA**

Marilah kita semua  
Berganding bahu mengembling tenaga  
Berbakti dalam Pertahanan Awam  
Untuk bangsa kita

Padukan jiwa dan raga  
Sedia berkorban apa saja  
Memberi dengan ikhlas khidmat mulia  
Negara tercinta

Malaysia bumi yang bertuah  
Kami sungguh bangga menjadi warga setia  
Penuh azam dan tekad bersama  
Berkhidmat untuk keselamatan rakyatnya

Kami sentiasa bersedia  
Menjunjung wawasan semua  
Ke arah hidup aman dan Sentosa  
Malaysia Jaya

## 1.7 BENDERA PISPA POLITEKNIK



Bendera Pasukan Institusi Pertahanan Awam (PISPA)  
Politeknik Malaysia

Tujuan bendera PISPA Politeknik diwujudkan adalah untuk keseragaman dan identiti di setiap politeknik semasa menyertai aktiviti dan program yang melibatkan PISPA Politeknik Malaysia dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia. Bentuk asas bendera Pasukan Institusi Pertahanan Awam (PISPA) setiap Politeknik Malaysia (bersaiz 3' x 6').

- OREN** Warna keselamatan Antarabangsa
- BIRU** Warna Koporat Pasukan Pertahanan Awam Antarabangsa (ICDO - International Civil Defense Organisation)
- KUNING** Warna kesetiaan kepada negara

# 2

## ***PENUBUHAN PISPA***

- Prosedur Penubuhan PISPA
- Stuktur Organisasi PISPA
- Jawatankuasa PISPA
- Objektif
- Tugas dan Tanggungjawab

## **BAB 2 : PENUBUHAN PASUKAN INSTITUSI PERTAHANAN AWAM (PISPA) POLITEKNIK**

### **2.1 PROSEDUR PENUBUHAN PISPA POLITEKNIK**

Bagi menubuhkan PISPA, prosedur berikut hendaklah dipatuhi:-

- 2.1.1 Jabatan / Unit Sukan, Kokurikulum dan Kebudayaan Politeknik Malaysia perlulah membuat permohonan bertulis dengan mengemukakan surat dan borang permohonan (**rujuk Lampiran 1**) yang telah disokong oleh Pengarah Politeknik kepada Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Negeri (PPAN) dan satu salinan kepada JPPKK.
- 2.1.2 Permohonan daripada Politeknik akan dinilai, diproses dan disokong oleh PPAN berdasarkan keperluan PISPA Politeknik, kemampuan kewangan, pejabat pengurusan, logistik, peralatan dan jurulatih sebelum dimajukan kepada Ibu Pejabat Pertahanan Awam (IPPA) untuk kelulusan dan rekod.
- 2.1.3 Sekiranya permohonan tersebut tidak disokong oleh PPAN, surat maklumbalas permohonan penubuhan PISPA perlu dikembalikan kepada pihak Politeknik berkenaan.
- 2.1.4 Permohonan yang berjaya perlu dimaklumkan oleh IPPA secara bertulis berserta sijil penubuhan kepada Pejabat Negeri Pertahanan Awam (PNPA) yang berkenaan dan satu salinan surat makluman akan dihantar kepada JPPKK.
- 2.1.5 PNPA akan memaklumkan kelulusan permohonan kepada pihak Politeknik untuk melaksanakan latihan dan aktiviti serta membuat pemantauan terhadap PISPA di Politeknik.

2.1.6 Permohonan yang telah diluluskan akan didaftarkan dengan satu nombor pendaftaran bagi Politeknik berkenaan seperti berikut:

X	:	Kod negeri yang berkenaan, contoh: B untuk Selangor
PISPA – POLY	:	PISPA Politeknik
600	:	No. Fail Bahagian Pengurusan Angkatan IPPA
XX	:	Nombor mengikut urutan, contoh: 01, 02 dan seterusnya
A	:	Politeknik - Kategori Institusi Pendidikan Tinggi

Contoh:

A / PISPA – PSAS / 600 – (13) A

B / PISPA – PSIS / 600 – (08) A

C / PISPA – POLISAS / 600 – (06) A

Permohonan penubuhan PISPA adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:

- Politeknik yang diiktiraf dan berdaftar di bawah KPT.
- Politeknik yang menawarkan program pengajian pelajar yang mengikuti pengajian Diploma tidak kurang daripada tiga (3) tahun.
- Politeknik yang menawarkan program pengajian pada peringkat Diploma yang diiktiraf oleh badan akreditasi yang berkaiatan.
- Politeknik yang bersetuju menubuhkan PISPA hendaklah mematuhi tanggungjawab seperti di perkara 2.4.2.(b)

## 2.2 STRUKTUR ORGANISASI PISPA

Struktur organisasi PISPA di Politeknik boleh beroperasi mengikut kapasiti berikut:

### 2.2.1 Kompeni

Setiap kompeni PISPA terdiri daripada:

- a) 1 Ketua Kompeni (Pegawai Bersekutu)
- b) Penolong Ketua Kompeni (Pegawai Bersekutu/Staf Muda)
- c) 3 Ketua Platun (Anggota PISPA)
- d) 96 anggota PISPA

### 2.2.2 Platun

Setiap platun PISPA terdiri daripada 33 anggota iaitu:

- a) 1 Ketua Platun (Anggota PISPA)
- b) 32 anggota PISPA

### 2.2.3 Skuad

Setiap skuad PISPA terdiri daripada 10 - 12 anggota iaitu:

- a) 1 Ketua Skuad (Anggota PISPA)
- b) 9 - 11 anggota PISPA

**Nota:-** Setiap tiga (3) skuad akan dijadikan satu (1) platun dan setiap tiga (3) platun akan dijadikan satu (1) kompeni.

## 2.3 JAWATANKUASA PISPA

Jawatankuasa PISPA hendaklah ditubuhkan di peringkat kebangsaan dan negeri bagi menggerakkan latihan, kegiatan dan pentadbiran PISPA.

2.3.1 Jawatankuasa di peringkat kebangsaan hendaklah dianggotai oleh:

- a) Pengerusi Bersama
  - Ketua Pesuruhjaya Angkatan Pertahanan Awam Malaysia
  - Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti (Komander JPPKK)
- b) Timbalan Pengerusi Bersama
  - Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) APM
  - Pengarah Kanan Akademik (Tim. Komandan JPPKK)
- c) Ahli-ahli
  - Pengarah Bahagian Pengurusan Angkatan APM
  - Pengarah Pertahanan Awam Negeri (PPAN)
  - Pengarah Bahagian Kurikulum JPPKK
  - Tim. Pengarah Bahagian Kurikulum JPPKK
  - Pengarah Politeknik / Komandan PISPA Politeknik
  - Komandan Pusat Latihan
- d) Urusetia
  - Ketua Cawangan Pasukan Sokongan BPA IPPA
  - Bahagian Kurikulum (Penyelaras PISPA JPPKK)
  - Sekretariat PISPA Politeknik Malaysia

### **Deskripsi Tugas:-**

Jawatankuasa ini merancang dan membuat keputusan perkara-perkara dasar di peringkat kebangsaan.

2.3.2 Jawatankuasa di peringkat negeri hendaklah dianggotai oleh:

- a) Pengerusi Bersama
  - Pengarah Pertahanan Awam Negeri (PPAN)
  - Pengarah Politeknik / Komandan PISPA Politeknik
- b) Ahli-ahli
  - Timbalan Pengarah Pertahanan Awam Negeri
  - Timbalan Komandan PISPA Politeknik
  - Ajutan PISPA Politeknik
  - Pegawai Pertahanan Awam Daerah (PPAD)
- c) Urusetia
- d) Bahagian Pengurusan Angkatan Negeri
- e) Penyelaras PISPA Politeknik

**Deskripsi Tugas:-**

Jawatankuasa ini merancang dan menyelaras perkara-perkara dasar di peringkat negeri.

2.3.3 Jawatankuasa di peringkat Sekretariat PISPA hendaklah dianggotai oleh:

- a) Pengerusi
  - Komandan Sekretariat PISPA Politeknik Malaysia
- b) Timbalan Pengerusi
  - Timbalan Komandan (Akademik)
  - Timbalan Komandan (Operasi)
- c) Ahli-ahli
  - Pegawai Akademik
  - Pegawai Sumber & Data
  - Pegawai Komunikasi & Promosi
  - Pegawai Latihan & Pembangunan
  - Pegawai Logistik
  - Pegawai Penyelaras Zon
- d) Urusetia
  - Penyelaras PISPA JPPKK

**Deskripsi Tugas:-**

Jawatankuasa ini merancang dan menyelaras perkara-perkara dasar di peringkat Politeknik Malaysia



2.3.4 Jawatankuasa di peringkat politeknik hendaklah dianggotai oleh:

- a) Pengerusi
  - Komandan PISPA Politeknik
- b) Timbalan Pengerusi
  - Timbalan Komandan PISPA Politeknik
- c) Ahli-ahli
  - Ajutan PISPA Politeknik
  - Ketua Kursus Kokurikulum Politeknik
  - Pegawai Penyelaras PISPA Politeknik
  - Urusetia
  - PISPA Politeknik

**Deskripsi Tugas:-**

Jawatankuasa ini merancang dan menyelaras perkara- perkara dasar di peringkat politeknik.

## 2.4 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

2.4.1 Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM)

- a) Ibu Pejabat Pertahanan Awam (IPPA) Malaysia
  - Menerima dan mengesahkan penubuhan PISPA, pegawai dan anggota PISPA.
  - Merancang peruntukan belanjawan PISPA.
  - Merancang dan menyediakan perolehan peralatan dan logistik PISPA.
  - Meneliti cadangan dan mengesahkan lantikan pegawai PISPA Politeknik.
  - Merancang dan melaksanakan program-program PISPA pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
  - Mengemaskini, mengesahkan dan menyebarkan dasar-dasar serta arahan tetap mengenai pengendalian, pengurusan dan latihan PISPA.

## b) Pejabat Negeri Pertahanan Awam (PNPA)

- Menentukan latihan dan aktiviti PISPA berjalan dengan teratur.
- Mengadakan hubungan rapat dengan Politeknik berkaitan kegiatan PISPA.
- Menyedia dan memberi bantuan logistik, latihan dan penilaian kenaikan pangkat anggota PISPA.
- Mengumpul, merekod dan menyimpan maklumat anggota PISPA.

## 2.4.2 Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)

## a) Jabatan Pendidikan Politeknik &amp; Kolej Komuniti

- Menetapkan dasar penubuhan dan perkembangan PISPA dengan kerjasama APM.
- Melantik Sekretariat PISPA.
- Bekerjasama dengan APM untuk merancang dan melaksanakan program PISPA di peringkat kebangsaan dan antarabangsa melalui
- penyelarasan dan pemantauan oleh Bahagian Kurikulum, JPPKK.
- Meluluskan bajet tahunan pengurusan dan pelaksanaan program PISPA kepada Politeknik berkaitan.

## b) Politeknik

- Mencadang pelantikan Pegawai PISPA Politeknik.
- Menyokong permohonan penubuhan Pasukan PISPA Politeknik.
- Menyelaras aktiviti-aktiviti PISPA pada peringkat Politeknik.
- Menyediakan perancangan bajet tahunan pengurusan latihan, peralatan dan logistik PISPA.
- Bekerjasama dengan PNPA untuk merancang dan melaksanakan program PISPA di peringkat negeri.
- Menyediakan pejabat / tempat pengurusan PISPA.
- Merekod dan menyimpan maklumat PISPA.
- Mempromosi fungsi dan peranan APM & PISPA di peringkat politeknik.

# 3

## ***KEANGGOTAAN & PANGKAT***

- Keanggotaan Pasukan Institusi Siswa Pertahanan Awam (PISPA)
- Pegawai Penyelaras PISPA Politeknik
- Perlantikan Pegawai Kehormat Dan Bersekutu PISPA Politeknik
- Syarat Pelantikan
- Tugas dan Tanggungjawab

## BAB 3 – KEANGGOTAAN DAN PANGKAT

### 3.1 KEANGGOTAAN PASUKAN INSTITUSI PERTAHANAN AWAM

#### 3.1.1 Syarat-syarat menganggotai PISPA

- a) Pendaftaran untuk menganggotai PISPA adalah tertakluk kepada syarat- syarat berikut:
- b) Warganegara Malaysia.
- c) Pelajar Politeknik yang berusia 18 tahun ke atas.
- d) Sihat tubuh badan dan tidak cacat.
- e) Tidak menyertai mana-mana pasukan badan beruniform yang lain.
- f) Mendaftar Kokurikulum Badan Beruniform PISPA.
- g) Bebas daripada sabitan dan perlakuan jenayah.
- h) Mengajukan borang permohonan keanggotaan ke PDPA.

3.1.1 Keanggotaan PISPA Politeknik perlu didaftarkan semasa di Semester 1 seterusnya mengikuti kurikulum latihan seperti dijelaskan dalam bab 6 dengan jayanya.

**Nota:**

Sebarang pengecualian terhadap pendaftaran keanggotaan selain pada Semester 1 atau pengecualian sebarang silibus kurikulum latihan perlulah mendapatkan kelulusan daripada pihak Politeknik dan Pengurusan Angkatan Pertahanan Awam Negeri

3.1.2 Anggota PISPA akan didaftarkan sebagai Anggota Pertahanan Awam dan mendapat kad anggota setelah menyempurnakan dan lulus Kursus Asas Pertahanan Awam dengan jayanya

3.1.3 Seseorang anggota PISPA boleh dilucutkan keanggotaan apabila:

- a) Melanggar apa-apa peraturan yang tertakluk dalam Akta 174
- b) Melakukan mana-mana kesalahan seperti di Perkara 27 Kaedah-Kaedah Pertahanan Awam (Pasukan Pertahanan Awam) 1970.
- c) Berhenti daripada pengajian di Politeknik.
- d) Digantung atau diberhentikan daripada Politeknik mengikut peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan Politeknik.
- e) Disabitkan dengan kesalahan jenayah dan salah laku berat mengikut undang-undang jenayah dan sivil.

3.1.4 Permohonan anggota untuk menarik diri daripada PISPA:

- a) Mengemukakan surat permohonan meletakkan jawatan dalam tempoh 14 hari kepada Komandan Politeknik
- b) Perlu mendapatkan kelulusan bertulis daripada Komandan PISPA Politeknik.
- c) Boleh dipertimbangkan atas alasan mengalami masalah kesihatan setelah disahkan oleh pegawai perubatan. Walau bagaimanapun keanggotaannya sebagai anggota APM masih dikekalkan.
- d) Memulangkan semula peralatan / uniform yang telah dibekalkan oleh pihak politeknik

### 3.2 PEGAWAI PENYELARAS PISPA POLITEKNIK

- 3.2.1 Pengarah Politeknik sebagai Komandan PISPA atau mana-mana Timbalan Pengarah/pegawai kanan tertinggi politeknik yang diperturunkan kuasa oleh Pengarah Politeknik.
- 3.2.2 Komandan PISPA Politeknik berkuasa melantik jawatan pegawai di dalam organisasi seperti di perkara 3.3.1
- 3.2.3 Komandan PISPA boleh mencadangkan Pegawai atau Pensyarah Politeknik berkaitan untuk menyandang jawatan Pegawai Bersekutu (PA) di dalam organisasi pengurusan PISPA dengan sokongan dan persetujuan bersama dengan APM.
- 3.2.4 Calon terpilih sebagai Pegawai Bersekutu (PA) tidak dibenarkan menganggotai mana-mana badan beruniform yang lain.

### 3.3 PELANTIKAN PEGAWAI KEHORMAT DAN BERSEKUTU APM POLITEKNIK

- 3.3.1 Pelantikan Pegawai Kehormat dan Pegawai Bersekutu APM hendaklah dicadangkan oleh pihak Politeknik/JPPKK atas sokongan APM negeri yang berkaitan dengan komposisi seperti berikut:

Komandan	:	1 Jawatan
Timbalan Komandan	:	1 Jawatan
Ajutan	:	1 Jawatan
Pegawai Latihan	:	1 Jawatan
Pegawai Akademik	:	1 Jawatan
Pegawai Logistik	:	1 Jawatan
Pegawai Pentadbiran	:	1 Jawatan

**Nota** : lantikan jawatan kuasa di peringkat politeknik boleh berubah mengikut keperluan politeknik masing-masing

### 3.4 SYARAT-SYARAT PELANTIKAN

3.4.1 Syarat-syarat pelantikan Pegawai Kehormat dan Bersekutu APM adalah seperti berikut: -

- a) Melepasi tapisan keselamatan dan semakan rekod jenayah.
- b) Mendapat pengesahan daripada pegawai perubatan (jika perlu).
- c) Terdiri daripada ahli akademik dan staf Politeknik / JPPKK.
- d) Watikah pelantikan akan dikeluarkan oleh Ketua Pesuruhjaya APM.

3.4.2 Penamatan Pelantikan Pegawai Bersekutu (PA) boleh ditamatkan perkhidmatannya oleh Ketua Pesuruhjaya Pertahanan Awam dengan cadangan daripada Komandan atas sebab-sebab berikut:

- a) Tidak mencapai tahap kecekapan yang dikehendaki.
- b) Tidak mematuhi perintah yang sah daripada pegawai atasan pengurusan PISPA.
- c) Tidak mematuhi disiplin dan peraturan yang ditetapkan serta pengabaian tugas sebagai Pegawai Bersekutu (PA)
- d) Disabitkan dengan perbuatan salah laku jenayah.

3.4.3 Peletakan Jawatan  
Seorang Pegawai Kehormat/Bersekutu (PA) yang ingin meletak jawatan dikehendaki memberi notis sebulan awal dari tarikh berhenti kepada Ketua Pesuruhjaya APM melalui Komandan (yang mana berkenaan).

### **3.5 TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI KEHORMAT DAN BERSEKUTU APM**

#### 3.5.1 Pegawai Bersekutu selaku Komandan

- a) Memberi nasihat dalam aspek latihan dan bantuan daripada pihak JPPKK/Politeknik dalam mengendalikan latihan serta meningkatkan pencapaian akademik anggota PISPA.
- b) Bertindak sebagai Pegawai Pemerintah bagi pengurusan PISPA Politeknik berkenaan.
- c) Pegawai yang bertanggungjawab merancang peruntukan kewangan PISPA Politeknik

#### 3.5.2 Timbalan Komandan

- a) Bertanggungjawab mengurus semua aspek latihan, pentadbiran dan logistik melalui bantuan daripada pegawai-pegawai yang dipertanggungjawabkan.
- b) Membantu menjalankan tugas Pegawai Pemerintah dalam aspek pemerintah, pentadbiran, kawalan dan perhubungan.
- c) Mendelegasikan apa-apa keperluan, tugas kepada mana-mana pegawai yang difikirkan perlu.
- d) Menjadi perantara antara PISPA dengan pihak Politeknik dalam semua aspek.
- e) Menentukan latihan anggota PISPA dapat dijalankan dengan lancar dan mengikut jadual latihan seperti yang telah dikeluarkan atau ditetapkan.



### 3.5.3 Ajutan

- a) Bekerjasama dengan Pegawai PISPA Politeknik dalam pengurusan PISPA.
- b) Mentadbir dan memantau segala urusan Pegawai dan anggota PISPA.
- c) Memantau dan menyebarkan dasar-dasar yang dikeluarkan oleh APM dan arahan Komandan.
- d) Menentukan dasar tata tertib dikemaskinikan dan dipatuhi oleh anggota PISPA.
- e) Menentukan semua Perintah Tetap dikemaskini dan mendapat persetujuan daripada Pegawai Bahagian Pengurusan Angkatan APM Negeri dan dipatuhi oleh Pegawai Bersekutu / anggota PISPA.
- f) Memberikan nasihat kepada Pegawai PISPA Politeknik tentang dasar-dasar yang dikuatkuasakan oleh Politeknik dari semasa ke semasa.
- g) Bertanggungjawab atas kebajikan anggota PISPA di Politeknik.
- h) Menjaga hubungan dengan lain-lain badan beruniform atau agensi luar untuk mendapatkan bantuan latihan dan pentadbiran

### 3.5.4 Pegawai Pentadbiran

- a) Mengurus semua aspek rekod yang melibatkan sumber pejabat dan personel.
- b) Berhubung dengan pihak Politeknik dalam semua aspek pengurusan pentadbiran.
- c) Menyediakan anggaran belanjawan tahunan keseluruhan PISPA.
- d) Bertanggungjawab kepada Komandan/Ajutan dalam hal-hal pentadbiran.

### 3.5.5 Pegawai Logistik

- a) Berhubung dengan pihak Politeknik dalam semua aspek pengurusan logistik.
- b) Menguruskan prosedur pembekalan dan peralatan termasuk pakaian seragam kepada anggota PISPA.
- c) Bertanggungjawab kepada Komandan / Ajutan dalam hal-hal logistik.

### 3.5.6 Pegawai Latihan

- a) Merancang dan menyediakan jadual Latihan.
- b) Memantau pelaksanaan latihan dan aktiviti anggota PISPA berjalan mengikut jadual.
- c) Bertanggungjawab kepada Komandan / Ajutan dalam hal-hal latihan dan aktiviti.

### 3.5.7 Pegawai Akademik

- a) Merancang dan menyediakan Rancangan Mengajar Semester (RMS)
- b) Mendapatkan jurulatih untuk PdP latihan PISPA.
- c) Menyelaraskan rubrik pemarkahan PISPA Bersama jurulatih.
- d) Bertanggungjawab kepada Komandan / Ajutan dalam hal-hal akademik.

# 4

## ***PENTADBIRAN***

- Bayaran Elaun dan Peruntukan Kewangan
- Perlindungan Insurans Berkelompok Mesyuarat
- Lain-Lain Program
- Tugas
- Pemakluman

## **BAB 4 – PENTADBIRAN**

### **4.1 BAYARAN ELAUN DAN PERUNTUKAN KEWANGAN**

- 4.1.1 Anggota PISPA yang telah sah keanggotaannya layak menerima elaun jika mengikuti latihan atau aktiviti yang dianjurkan oleh APM samada diperingkat daerah, negeri atau kebangsaan tertakluk kepada kelulusan PPAN. Anggota PISPA yang mengikuti latihan kursus kokurikulum APM di Politeknik tidak layak menerima elaun.
- 4.1.2 Elaun jurulatih dan pembantu yang mengajar kursus kokurikulum PISPA akan dibayar oleh pihak Politeknik tertakluk kepada peruntukan kewangan semasa Politeknik.
- 4.1.3 Elaun jurulatih dan pembantu dalam pelaksanaan aktiviti PISPA yang dijalankan di luar jam kredit pengkuliahan tertakluk kepada peruntukan kewangan semasa APM dan Politeknik.
- 4.1.4 Pegawai Kehormat / Bersekutu (PA) tidak layak menerima elaun selain daripada yang ditetapkan mengikut garis panduan atau arahan serta pekeliling yang sedang berkuatkuasa.

### **4.2 PERLINDUNGAN INSURANS BERKELOMPOK**

- 4.2.1 Setiap anggota PISPA disarankan mengambil insurans secara individu atau berkelompok apabila menyertai latihan dan aktiviti di dalam atau di luar kawasan politeknik.
- 4.2.2 Setiap anggota PISPA tertakluk kepada Peraturan dan Kaedah Pertahanan Awam yang sedang berkuatkuasa semasa menjalankan tugas rasmi.
- 4.2.3 Anggota PISPA tertakluk kepada Tabung Amanah Perwira dan Pertahanan Negara (TAPPN) semasa menjalankan latihan dan tugas rasmi yang diuruskan oleh pihak APM.

### **4.3 MESYUARAT**

- 4.3.1 Mesyuarat Penyelarasan PISPA yang berikut hendaklah diadakan :
- a) Mesyuarat penyelarasan PISPA antara IPPA dengan JPPKK hendaklah diadakan sekurang-kurangnya sekali setahun.
  - b) Mesyuarat penyelarasan PISPA antara PNPA dengan Politeknik berkenaan sekurang-kurangnya sekali setahun.
  - c) Mesyuarat penyelarasan PISPA antara PDPA dengan Politeknik berkenaan sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun.
  - d) Mesyuarat Pegawai PISPA di Politeknik masing-masing hendaklah diadakan sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun.
  - e) Mesyuarat-mesyuarat lain untuk membincangkan perkara atau isu semasa boleh diadakan pada bila-bila masa mengikut kesesuaian.

### **4.4 LAIN-LAIN PROGRAM**

- 4.4.1 Anggota PISPA digalakkan menyertai majlis, istiadat atau program pada peringkat antarabangsa, kebangsaan, negeri atau daerah yang dianjurkan oleh KPT, APM ataupun oleh agensi-agensi yang lain tertakluk kepada kelulusan pihak pengurusan politeknik atau Komandan PISPA Politeknik.
- 4.4.2 Program Pentauliahahan hendaklah dianjurkan bersama pada setiap tahun oleh pihak APM dan JPPKK melalui penggiliran penganjuran oleh mana-mana politeknik yang dipersetujui. Kaedah penganjuran hendaklah diselaraskan oleh pihak APM dan kos yang berkaitan hendaklah ditanggung bersama-sama oleh pihak yang terlibat mengikut kadar yang dipersetujui tertakluk kepada peruntukan kewangan semasa.

- 4.4.3 Program/latihan seperti kem tahunan, perhimpunan dan lain-lain boleh dianjurkan bersama pihak APM dan JPPKK jika dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Kaedah penganjuran hendaklah diselaraskan oleh pihak APM dan kos yang berkaitan hendaklah ditanggung bersama-sama oleh pihak yang terlibat mengikut kadar yang dipersetujui tertakluk kepada peruntukan kewangan semasa.

## 4.5 TUGASAN

- 4.5.1 Anggota PISPA yang berdaftar dibenarkan terlibat dalam perkhidmatan sokongan untuk menjamin keselamatan, keharmonian, kesejahteraan, keamanan dan perpaduan setempat apabila diperlukan dengan sokongan Komandan PISPA tetapi dibawah penyeliaan PPAN, PPAD atau Ajutan.
- 4.5.2 Anggota PISPA yang berdaftar dibenar melibatkan diri bersama-sama anggota sukarela apabila diperlukan dalam Perkhidmatan Kecemasan 999 Pertahanan Awam, Pasukan Penyelamat Pantai dan lain-lain dengan kebenaran dan kelulusan pihak politeknik.
- 4.5.3 Bagi operasi bencana, penglibatan PISPA terhad di Zon Hijau atau semasa pemulihan dan pemindahan yang berisiko rendah dan ianya tertakluk kepada kelulusan pihak APM dan politeknik.

**Nota:** Sebarang aktiviti luar bersama-sama APM tertakluk kepada SOP semasa yang ditetapkan oleh Politeknik.

## 4.6 PEMAKLUMAN

4.6.1 Pihak pengurusan PISPA Politeknik dikehendaki memaklumkan kepada PPAD perkara-perkara berikut pada:

- a) Awal Semester
  - Maklumat PISPA
  - Takwim dan Jadual Latihan
  - Maklumat Logistik
- b) Akhir Semester
  - Laporan Latihan / Kursus / Aktiviti / Penilaian
  - Pencapaian

# 5

## *LOGISTIK*

- Pakaian
- Pengangkutan
- Peralatan Latihan



## **BAB 5 LOGISTIK**

### **5.1 PAKAIAN**

- 5.1.1 APM akan membekalkan pakaian seragam No.3 dan No.4 kepada anggota PISPA yang telah berjaya menamatkan Kursus Asas Pertahanan Awam sebagai inventori kepada Politeknik tertakluk kepada inventori semasa APM.
- 5.1.2 Anggota PISPA yang terlibat dalam latihan bersama APM atau aktiviti kokurikulum PISPA Politeknik dikehendaki memakai pakaian seragam mengikut garis panduan atau arahan serta pekeliling pemakaian pakaian seragam yang masih berkuatkuasa.
- 5.1.3 Pakaian bagi tujuan pentauliahan dan pelbagai istiadat APM hendaklah diuruskan oleh pihak Politeknik melalui alternatif yang bersesuaian. Pihak Politeknik boleh mendapatkan bantuan daripada pihak APM bagi pembekalan pakaian yang diperlukan.
- 5.1.4 Penyediaan pakaian seragam No. 1, No. 2, Mess Kit dan Aksesori bagi Pegawai Kehormat / Bersekutu Politeknik adalah melalui alternatif yang bersesuaian.

### **5.2 PENGANGKUTAN**

Pihak pengurusan PISPA Politeknik boleh memohon bantuan pengangkutan daripada PNPA / PDPA sekiranya pihak Politeknik mempunyai kekangan pengangkutan bagi tujuan aktiviti dan program PISPA.

### 5.3 PERALATAN LATIHAN

Bagi tujuan latihan dan kuliah, pihak pengurusan PISPA Politeknik boleh membuat pinjaman peralatan latihan dari PDPA atau pusat latihan pertahanan awam sekiranya peralatan di Politeknik tidak mencukupi mengikut silibus yang ditetapkan.

#### 5.3.1 Senarai Peralatan Kursus Asas

- a) Peti kecemasan (*First Aids Kit*)
- b) Alat pemadam api
- c) Selimut (*Thermal blanket*)
- d) Pengusung kecemasan (*Stretcher*)
- e) Tali karmental (Panjang 10m, Diameter 12mm)
- f) Kain Segitiga (*Triangular bandage*)
- g) Kain kasa (*Gauze*)
- h) Pembalut Gulung (*Roll bandage*)
- i) Patung latihan (*Dummy*)

#### 5.3.2 Senarai Peralatan Kursus Pengurusan Pusat Pemindahan

- a) Khemah bencana (Disaster tent)
- b) Papan putih (White board)
- c) Alat tulis
- d) Kelengkapan memasak

#### 5.3.3 Senarai Peralatan Kursus Metodologi Latihan

- a) Projektor LCD
- b) Pencetak
- c) Alat tulis
- d) Komputer riba

#### 5.3.4 Senarai Peralatan Kursus Bakal Pegawai

- a) Tongkat pegawai

# 6

## ***KURIKULUM LATIHAN***

- Objektif Latihan
- Bidang Latihan
- Kaedah Latihan
- Silibus PISPA Politeknik
- Pentauliahan Staff Muda
- Penilaian
- Syarat Pentauliahan

## **BAB 6 – KURIKULUM LATIHAN**

### **6.1 OBJEKTIF LATIHAN**

- 6.1.1 Memberi peluang kepada pelajar mendapat pengetahuan dan kemahiran untuk membantu diri sendiri dan orang lain.
- 6.1.2 Memupuk nilai / sikap hormat-menghormati, menurut perintah, berdisiplin, bekerjasama, bertanggungjawab, berhemah, kejujuran dan keyakinan diri.
- 6.1.3 Menanam semangat kesedaran sivik, ketaatan dan cintakan negara serta penjagaan alam sekitar.
- 6.1.4 Mempertingkatkan ketahanan fizikal, mental dan daya kerohanian yang seimbang.
- 6.1.5 Silibus PISPA telah digubal bersesuaian dengan keperluan APM bagi melayakkan pelajar ditauliahkan sebagai seorang pegawai dengan pangkat Staf Muda (PA). Pihak APM menerusi Bahagian Pengurusan Latihan telah menetapkan sukatan pelajaran yang wajib diajar kepada anggota PISPA secara penuh selama empat semester.
- 6.1.6 Silibus ini merangkumi asas Pertahanan Awam, kursus kemahiran, kursus metodologi latihan dan kursus bakal pegawai yang perlu dipenuhi sebagai syarat pentauliahan.
- 6.1.7 Walau bagaimanapun, kaedah pelaksanaan sukatan pelajaran ini adalah tertakluk kepada pihak politeknik. Kaedah pelaksanaan boleh disesuaikan untuk memenuhi syarat akademik politeknik sama ada berkredit ataupun tidak dengan ketetapan oleh pihak APM.

## **6.2 BIDANG LATIHAN**

- 6.2.1 Pengenalan Asas Pertahanan Awam
- 6.2.2 Kemahiran Pengurusan Pusat Pemindahan / FRLS
- 6.2.3 Metodologi Latihan
- 6.2.4 Bakal Pegawai

## **6.3 KAEDAH LATIHAN**

- 6.3.1 Latihan dijalankan oleh Jurulatih APM atau Pegawai PISPA Politeknik yang berkelayakan dan pembantu jurulatih dalam bentuk teori dan praktikal.
- 6.3.2 Latihan dijalankan secara mingguan mengikut waktu kursus kokurikulum.
- 6.3.3 Kelas mingguan kursus kokurikulum ini dikira sebagai kursus wajib pentauliahan.
- 6.3.4 Kursus wajib juga boleh dilakukan secara anjal di Politeknik atau kursus penuh di PNPA atau ILPA mengikut kesesuaian semasa.
- 6.3.5 Penilaian dilakukan pada hujung semester oleh Jurulatih ILPA bagi kursus kemahiran untuk melayakkan pelajar PISPA mendapat sijil kursus wajib pentauliahan.
- 6.3.6 Pelajar PISPA yang telah lulus PISPA 1 tidak perlu hadir Kursus Asas Pertahanan Awam yang telah digariskan di dalam panduan ini bagi tujuan penerimaan sijil dan nombor keanggotaan.
- 6.3.7 Latihan luar atau simulasi digalakkan diadakan pada setiap semester bagi semua anggota PISPA mengikut kesesuaian semasa.

## **6.4 SILIBUS PISPA POLITEKNIK**

- 6.4.1 Politeknik menawarkan kursus kokurikulum PISPA selama 2 semester kepada pelajar.
- 6.4.2 Pelajar PISPA wajib hadir sesi latihan bagi semester 1 dan semester 2 bagi memenuhi jam kredit yang ditetapkan.
- 6.4.3 Senarai Silibus PISPA Politeknik adalah seperti di dalam Jadual 6.1 dan Jadual 6.2.

Jadual 6.1: Senarai Silibus untuk Semester 1

<b>SEMESTER 1 (KURSUS ASAS)</b>		
<b>No.</b>	<b>TAJUK</b>	<b>KANDUNGAN</b>
1.0	Kawad Kaki	1.1 Pengenalan kawad kaki 1.2 Bahasa hukuman 1.3 Asas kawad kaki
2.0	Pengenalan kepada Pertahanan Awam	2.1 Sejarah Penubuhan Jabatan 2.2 Akta yang diguna pakai 2.3 Misi dan Visi Jabatan, objektif dan fokus jabatan
3.0	Pengenalan kepada Pertolongan Cemas	3.1 Skop dan Prinsip Pertolongan Cemas 3.2 Tanggungjawab Ahli Pertolongan Cemas 3.3 Tugas Ahli Pertolongan Cemas 3.4 First Aid Kit
4.0	Sistem Peredaran Darah	4.1 Jenis-jenis salur darah 4.2 Anatomi dan struktur jantung 4.3 Jenis-jenis nadi 4.4 Renjatan
5.0	<i>Cardiopulmonary Resuscitation (CPR)</i> dan Tercekik	5.1 Pengenalan CPR 5.2 Definisi CPR 5.3 Protokol CPR 5.4 Pengenalan tercekik 5.5 Proses tercekik 5.6 Teknik rawatan
6.0	Sains Kebakaran dan Alat Pemadam Api	6.1 Pengenalan sains kebakaran 6.2 Proses kebakaran 6.3 Jenis alat pemadam api 6.4 Tatacara penggunaan alat pemadam api
7.0	Ikatan Dan Simpulan Tali	7.1 Pengenalan ikatan dan simpulan tali 7.2 Jenis-jenis ikatan dan simpulan tali 7.3 Penggunaan dan penyelenggaraan tali
8.0	Cara-Cara Menyelamat Kecemasan Kawad Usungan	8.1 Teknik-teknik menyelamatkan seorang atau lebih dari seorang penyelamat. 8.2 Teknik menyelimut dan mengikat mangsa pada usungan 8.3 Teknik mengangkat dan memuatkan pesakit ke dalam Ambulans 8.4 Pengurusan mangsa

Jadual 6.2: Senarai Silibus untuk Semester 2

SEMESTER 2 (KURSUS PENGURUSAN PUSAT PEMINDAHAN)		
NO.	TAJUK	KANDUNGAN
1.0	Kawad Kaki	1.1 Taklimat masuk baris 1.2 Taklimat mengawad skuad 1.3 Cara paraskan skuad
2.0	Pengenalan Arahan Majlis Keselamatan Negara 20 (MKN 20)	2.1 Arahan MKN 20 2.2 Sejarah MKN 20 2.3 Agensi yang terlibat 2.4 Arahan perintah dan kawalan
3.0	Bencana Alam & Peperangan	3.1 Pengenalan Bencana Alam 3.2 Jenis-jenis bencana alam 3.3 Punca-punca berlaku bencana alam 3.4 Kesan-kesan bencana alam
4.0	Peranan APM Dalam Pengurusan Pusat Pemindahan	4.1 Takrif APM 4.2 Akta Pertahanan Awam 4.3 Peranan APM dalam MKN 20 4.4 Tanggungjawab anggota pasukan APM
5.0	Susun atur dan tugas tugas di pusat pemindahan	5.1 Susun atur 5.2 Tugas-tugas di pusat pemindahan
6.0	Penerimaan, Pengagihan Bantuan dan masalah	6.1 Penerimaan barang-barang bantuan 6.2 Pengagihan bantuan 6.3 Cabaran
7.0	<i>Psychological First Aid (PFA)</i>	7.1 Pengenalan 7.2 Khidmat <i>Psychological First Aid (PFA)</i>
8.0	Penyediaan Menu dan Masakan	8.1 Pengenalan 8.2 Pemilihan menu yang sesuai

**Nota:**

Permohonan kursus-kursus ini perlu dibuat melalui PDPA/ PNPA bagi tujuan pentauliahahan. Pusat Latihan dan PNPA berhak menolak mana-mana permohonan yang tidak menepati syarat yang telah ditetapkan.



- 6.4.4 Anggota PISPA akan mengikuti silibus pembelajaran selama 2 semester. Penjelasan pecahan semester dan kelayakan sijil adalah seperti berikut :

<b>SEMESTER</b>	<b>SIJIL</b>	<b>PENGIKTIRAFAN</b>
Semester pertama	Sijil Asas Pertahanan Awam	PDPA/PNPA
Semester kedua	Sijil Pengurusan Pusat Pemindahan	ILPA
Semester ketiga*	Sijil Metodologi Latihan	
Semester keempat*	Sijil Bakal Pegawai	
Semester keempat / kelima / keenam	Watikah Pentauliahan	IPPA

\*Semester 3 dan Semester 4 adalah bagi tujuan pentauliahan

## **6.5 PENTAULIAHAN STAF MUDA PERTAHANAN AWAM**

Pelajar program diploma yang telah melengkapsi Silibus PISPA dan kursus wajib APM akan ditauliahkan sebagai Staf Muda Pertahanan Awam.

- 6.5.1 Graduan yang menyambung pengajian pada peringkat ijazah sarjana muda layak mendapatkan pengecualian kredit kursus kokurikulum SISPA tertakluk kepada pertimbangan Senat IPT masing-masing.
- 6.5.2 Graduan yang telah ditauliahkan, panggilan nama mereka disebut berserta pangkat Staf Muda Pertahanan Awam semasa penyampaian skrol dalam majlis konvokesyen.

## 6.6 PENILAIAN

### 6.6.1 Ujian Penilaian

- a) Menilai prestasi anggota PISPA dalam pengetahuan asas dan kemahiran Pertahanan Awam.
- b) Memberi motivasi kepada anggota PISPA supaya sentiasa meningkatkan pengetahuan dan kemahiran Pertahanan Awam.
- c) Melayakkan anggota PISPA untuk ditauliahkan dengan pangkat Staf Muda Pertahanan Awam

### 6.6.2 Prosedur Penilaian

- a) Rubrik penilaian pada semua peringkat hendaklah disediakan oleh Bahagian Peperiksaan dan Penilaian dengan Kerjasama Bahagian Kurikulum JPPKK.
- b) Hanya anggota PISPA yang berdaftar layak untuk menduduki penilaian ini.

### 6.6.3 Pemberatan penilaian bagi semua peringkat adalah seperti berikut:-

- |                           |               |
|---------------------------|---------------|
| a) Tunjukcara             | : 60%         |
| b) Mini Projek            | : 40%         |
| <b>Jumlah Keseluruhan</b> | <b>: 100%</b> |

## 6.7 SYARAT-SYARAT PENTAULIAHAN

- 6.7.1 Pelajar PISPA perlu mengikuti pengajian sekurang-kurangnya empat semester bagi tujuan pentauliahkan.
- 6.7.2 Mendaftar dan lulus kursus kokurikulum PISPA 1 dan PISPA 2.
- 6.7.3 Telah lulus 4 kursus wajib dan memperolehi sijil bagi semua kursus wajib yang disyaratkan.

# 7

## **PAKAIAN SERAGAM**

- Peraturan dan Garis Panduan Pemakaian Pakaian Seragam
- Lencana dan Pangkat

## BAB 7 – PERATURAN PAKAIAN SERAGAM

### 7.1 PERATURAN PEMAKAIAN PAKAIAN SERAGAM APM

#### 7.1.1 Jenis Pakaian (Lampiran 5)

- a) Pakaian Istiadat No.1
- b) Pakaian kerja No. 2 *bush jacket*
- c) Pakaian kerja No. 3
- d) Pakaian operasi No. 4
- e) Pakaian operasi No.4a celoreng digital
- f) T-Shirt oren dan seluar pakaian seragam No.3 atau No.4 (separuh pakaian seragam)
- g) T-Shirt oren / putih dan seluar sukan hitam / biru gelap (pakaian sukan)

#### 7.1.2 Bagi tujuan berkawad atau acara majlis dan istiadat, aksesori berikut boleh dipakai oleh anggota:

- a) Jambul (Hackle)
- b) Mafla (Muffler)
- c) Anklet
- d) Sarung tangan putih
- e) Selempang putih
- f) Selempang oren untuk ketua platun

## 7.2 SPESIFIKASI PAKAIAN SERAGAM

### 7.2.1 Pakaian Seragam No. 1 (Istiadat) dan (*Mess Kit*)

#### *Tatacara Pemakaian*

Pakaian ini dipakai oleh semua pegawai APM apabila terlibat dalam sesuatu acara istiadat sama ada pada peringkat jabatan, negeri mahupun persekutuan. Pakaian ini digunakan dalam acara-acara berikut:

- a) Majlis-Majlis Rasmi Kerajaan Persekutuan/Negeri
- b) Majlis Pembukaan Perasmian Dewan
- c) Majlis Penerimaan Pingat Kebesaran
- d) Perbarisan istiadat dan acara-acara lain yang menetapkan pemakaian pakaian ini.
- e) Majlis makan malam rejimental (*Mess Kit*)

### 7.2.2 Pakaian Pakaian Seragam No. 2 (Bustunik)

#### *Tatacara Pemakaian*

Pakaian ini dipakai oleh pegawai APM apabila menjalankan tugas rasmi jabatan atau keadaan tertentu. Tugas-tugas tersebut adalah seperti berikut:

- a) Menghadiri temuduga
- b) Menghadiri mesyuarat
- c) Hadir ke acara perbarisan
- d) Dalam semua bentuk lawatan / majlis rasmi sebagai contoh menghadiri seminar atau menerima lawatan orang kenamaan.

### 7.2.3 Pakaian Seragam No. 3 (Pakaian Pejabat)

#### *Tatacara Pemakaian*

Pakaian ini dipakai oleh Pegawai dan anggota Pertahanan Awam apabila menjalankan tugas rasmi atau keadaan tertentu. Tugas-tugas tersebut adalah seperti berikut:

- a) Menjalankan tugas rasmi seharian
- b) Menghadiri mesyuarat
- c) Menjalankan aktiviti latihan dalam kelas
- d) Menjalankan tugas pejabat

### 7.2.4 Pakaian Seragam No. 4 (Operasi) - Pegawai Tetap dan Anggota Pasukan

#### *Tatacara Pemakaian*

Pakaian ini dipakai oleh Pegawai dan anggota Pertahanan Awam apabila menjalankan tugas am atau latihan atau operasi.

## **7.3 LENCANA DAN PANGKAT**

Lencana bahu mengikut pangkat untuk Pegawai Kehormat, Pegawai Bersekutu dan Pegawai Pasukan hendaklah dipakai di atas *Epaullette* atau *shoulder cord* berwarna emas yang dikancing di bahu dengan butang logo Pertahanan Awam saiz sederhana. Pemakaian pangkat adalah merujuk kepada Lampiran 6.

**LAMPIRAN**

LAMPIRAN 1



**ANGKATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA**

**BORANG PERMOHONAN PENUBUHAN  
PASUKAN INSTITUSI PERTAHANAN AWAM  
(PISPA)**

**BAHAGIAN A**

*(Diisi Oleh Pemohon Dari Maktab / Institut / Kolej / Sekolah Yang Memohon)*

Pengarah Pertahanan Awam Negeri .....

Melalui :

\* Maktab / Institut / Kolej / Sekolah .....

Saya (Nama) .....

Penyelaras \*Maktab / Institut / Kolej / Sekolah di .....

Memohon untuk menubuhkan Pasukan Institusi Pertahanan Awam di \* Maktab / Institut / Kolej / Sekolah di atas.

Tarikh : ..... Tandatangan dan Cop Rasmi .....  
(Penyelaras)

\* Potong Yang Tidak Berkenaan

---

**BAHAGIAN B**

*(Diisi Oleh Pengarah Atau Pegawai Pengurusan Maktab / Institut / Kolej / Sekolah Berkenaan)*

Saya \* *menyokong / tidak menyokong* penubuhan Pasukan Institusi Pertahanan Awam di

.....

\* Potong yang tidak berkenaan

Tarikh : ..... Tandatangan dan Cop Rasmi .....  
(CEO / Pengarah / Pengetua)



**BAHAGIAN C**

*(Diisi Oleh Pengarah Pertahanan Awam Negeri)*

Ulasan Pengarah Pertahanan Awam Negeri .....

Saya **bersetuju / tidak bersetuju** dan **mempunyai kemampuan / tidak mempunyai kemampuan** untuk melaksanakan program Pasukan Institusi Pertahanan Awam (Pispa) di \*Maktab / Institut / Kolej / Sekolah

Catatan:

.....  
.....  
.....  
.....

\* Potong Yang Tidak Berkenaan

Tarikh : ..... Tandatangan dan Cop Rasmi : .....  
(Pengarah Pertahanan Awam Negeri)

---

**BAHAGIAN D**

*(Diisi Oleh Pengarah Bahagian Pengurusan Latihan)*

Pengarah Pertahanan Awam Negeri .....

Adalah dimaklumkan bahawa permohonan untuk menubuhkan Pasukan Institusi Pertahanan Awam di \*Maktab / Institut / Kolej / Sekolah ;

**Diluluskan / Tidak Diluluskan**

**No. Pendaftaran Pasukan : \_\_\_\_\_**

Catatan :

.....  
.....  
.....


(Nyatakan Sebab-Sebab Tidak Diluluskan)

\* Potong Yang Tidak Berkenaan

Tarikh : ..... Tandatangan dan Cop Rasmi .....  
( Pengarah Bahagian Pengurusan Latihan )


LAMPIRAN 2

**CARTA ORGANISASI JAWATANKUASA PASUKAN INSTITUSI PERTAHANAN AWAM (PISPA)  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**




**LAMPIRAN 3**

**CARTA ORGANISASI  
JAWATANKUASA SEKRETARIAT PASUKAN INSTITUSI PERTAHANAN AWAM (PISPA)  
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**



## LAMPIRAN 4


**CARTA ORGANISASI JAWATANKUASA  
PASUKAN INSTITUSI PERTAHANAN AWAM (PISPA) POLITEKNIK**

Nota : Penambahan dan perubahan lantikan jawatan kuasa di peringkat politeknik boleh berubah mengikut keperluan politeknik masing-masing.


LAMPIRAN 5

PAKAIAN SERAGAM


PAKAIAN SERAGAM NO. 1 LELAKI (ISTIADAT)



## PAKAIAN SERAGAM NO. 1 LELAKI (MESS KIT)



## PAKAIAN SERAGAM NO.1 WANITA (ISTIADAT)



## PAKAIAN SERAGAM NO.1 WANITA (MESS KIT)






## PAKAIAN SERAGAM NO.2 LELAKI (BUSTUNIK)




## PAKAIAN SERAGAM NO.2 WANITA (BUSTUNIK)



## PAKAIAN SERAGAM NO.3 LELAKI (PEJABAT / KERJA)



## PAKAIAN SERAGAM NO.3 WANITA (PEJABAT / KERJA)



## PAKAIAN SERAGAM NO.4 LELAKI (OPERASI)



## PAKAIAN SERAGAM NO.4 WANITA (OPERASI)



## PAKAIAN SERAGAM NO.4 LELAKI (OPERASI CELORENG DIGITAL)



## PAKAIAN SERAGAM NO.4 WANITA (OPERASI CELORENG DIGITAL)





## LAMPIRAN 6

**PANGKAT PEGAWAI TETAP / SKIM KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM  
ANGKATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA**

BIL.	TANDA PANGKAT	GELARAN PANGKAT / SINGKATAN	GORGET / LENCANA KOLAR	PAKAIAN KEPALA	PERJAWATAN	PANGGILAN HORMAT
1		<b>Ketua Pesuruhjaya</b> KPj. (PA)			Ketua Pesuruhjaya	Yang Amat Setia / Tuan
2		<b>Pesuruhjaya</b> Pj. (PA)			Timbalan Ketua Pesuruhjaya	
3		<b>Timbalan Pesuruhjaya</b> TPj. (PA)				
4		<b>Penolong Pesuruhjaya</b> PPj. (PA)			Pengarah Bahagian / Pengarah Negeri / Komandan	Yang Setia / Tuan
5		<b>Kolonel</b> Kol. (PA)				

**PANGKAT PEGAWAI TETAP / SKIM KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM  
ANGKATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA**

BIL.	TANDA PANGKAT	GELARAN PANGKAT / SINGKATAN	GORGET / LENCANA KOLAR	PAKAIAN KEPALA	PERJAWATAN	PANGGILAN HORMAT
6		<b>Leftenan Kolonel</b> Lt. Kol. (PA)			Pengarah Negeri / Komandan / Timbalan Pengarah / Penolong Pengarah / Pegawai Pertahanan Awam	Yang Setia Tuan / Puan <i>*(Penyandang PAPAN / Komandan)</i>  Tuan / Puan
7		<b>Mejar</b> Mej. (PA)			Timbalan Pengarah / Penolong Pengarah / Pegawai Pertahanan Awam	Tuan / Puan
8		<b>Kapten</b> Kapt. (PA)			Penolong Pegawai Pertahanan Awam / Pembantu Pertahanan Awam	Tuan / Puan
9		<b>Leftenan</b> Lt. (PA)			Pembantu Pertahanan Awam	Tuan / Puan
10		<b>Leftenan Muda</b> Lt. M (PA)				

**PANGKAT PEGAWAI TETAP / SKIM KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM  
ANGKATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA**

BIL.	TANDA PANGKAT	GELARAN PANGKAT / SINGKATAN	GORGET / LENCANA KOLAR	PAKAIAN KEPALA	PERJAWATAN	PANGGILAN HORMAT
11		<b>Staf Tinggi</b> ST (PA)			Pegawai Pertahanan Awam (Percubaan)	Encik / Cik
12		<b>Staf Kanan</b> SK (PA)			Penolong Pegawai Pertahanan Awam (Percubaan)	Encik / Cik
13		<b>Staf Muda</b> SM (PA)			Pembantu Pertahanan Awam (Percubaan)	Encik / Cik







**PANGKAT PEGAWAI PASUKAN  
ANGKATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA**

BIL.	TANDA PANGKAT	GELARAN PANGKAT / SINGKATAN	GORGET / LENCANA KOLAR	PAKAIAN KEPALA	TUGAS / TANGGUNGJAWAB	PANGGILAN HORMAT
1		<b>Mejar</b> Mej. (PA)	Tiada		Timbalan Ketua Pegawai Pasukan	Tuan / Puan
2		<b>Kapten</b> Kapt. (PA)	Tiada		Ketua Kompeni	Tuan / Puan
3		<b>Leftenan</b> Lt. (PA)	Tiada		Ketua Platun	Tuan / Puan
4		<b>Leftenan Muda</b> Lt. M (PA)	Tiada			
5		<b>Staf Tinggi</b> ST (PA)	Tiada		Ketua Skwad	Encik / Cik

**PANGKAT PEGAWAI PASUKAN  
ANGKATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA**

BIL.	TANDA PANGKAT	GELARAN PANGKAT / SINGKATAN	GORGET / LENCANA KOLAR	PAKAIAN KEPALA	TUGAS / TANGGUNGJAWAB	PANGGILAN HORMAT
6		<b>Staf Kanan</b> SK (PA)	Tiada		Ketua Skwad	Encik / Cik
7		<b>Staf Muda</b> SM (PA)	Tiada			

**PANGKAT ANGGOTA SUKARELA  
ANGKATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA**

BIL.	TANDA PANGKAT	GELARAN PANGKAT / SINGKATAN	GORGET / LENCANA KOLAR	PAKAIAN KEPALA	TUGAS / TANGGUNGJAWAB	PANGGILAN HORMAT
1		<b>Sarjan Mejar I</b> Sjn. Mej. I (PA)			Pegawai Waran Negeri / ILPA	Encik / Cik
2		<b>Sarjan Mejar II</b> Sjn. Mej. II (PA)			Pegawai Waran Daerah / ILPA	
3		<b>Sarjan</b> Sjn. (PA)	Tiada	Tiada 	Timbalan Ketua Skuad	Sarjan / Staf
4		<b>Koperal</b> Kpl. (PA)	Tiada	Tiada 	Penolong Ketua Skuad	Koperal / Staf
5		<b>Lans Koperal</b> L/Kpl. (PA)	Tiada	Tiada 	Pembantu Ketua Skuad	Lans Koperal / Staf
6	Tiada	<b>Prebet</b> Pbt. (PA)	Tiada	Tiada 	Anggota Skuad	Staf

**PANGKAT PEGAWAI KEHORMAT**  
**ANGKATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA**

BIL.	TANDA PANGKAT	GELARAN PANGKAT / SINGKATAN	GORGET / LENCANA KOLAR	PAKAIAN KEPALA	PANGGILAN HORMAT
1		<b>Ketua Pesuruhjaya Kehormat</b> KPj. Kehormat (PA)			
2		<b>Pesuruhjaya Kehormat</b> Pj. Kehormat (PA)			Yang Amat Berhormat / Yang Berhormat / Yang Amat Berbahagia / Yang Berbahagia
3		<b>Timbalan Pesuruhjaya Kehormat</b> TPj. Kehormat (PA)			Datuk / Dato' / Tuan / Puan
4		<b>Penolong Pesuruhjaya Kehormat</b> PPj. Kehormat (PA)			<i>*(mengikut gelaran kebesaran yang diterima jika ada)</i>
5		<b>Kolonel Kehormat</b> Kol. Kehormat (PA)			

**PANGKAT PEGAWAI BERSEKUTU  
ANGKATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA**

BIL.	TANDA PANGKAT	GELARAN PANGKAT / SINGKATAN	GORGET / LENCANA KOLAR	PAKAIAN KEPALA	PANGGILAN HORMAT
1		<b>Penolong Pesuruhjaya Bersekutu</b> PPj. Bersekutu (PA)			<p>Yang Amat Berhormat / Yang Berhormat / Yang Amat Berbahagia / Yang Berbahagia</p> <p>Datuk / Dato' / Tuan / Puan</p> <p><i>*(mengikut gelaran kebesaran yang diterima jika ada)</i></p>
2		<b>Kolonel Bersekutu</b> Kol. Bersekutu (PA)			
3		<b>Leftenan Kolonel Bersekutu</b> Lt. Kol. Bersekutu (PA)			
4		<b>Mejar Bersekutu</b> Mej. Bersekutu (PA)			
5		<b>Kapten Bersekutu</b> Kapt. Bersekutu (PA)			
6		<b>Leftenan Bersekutu</b> Lt. Bersekutu (PA)			





**KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**  
**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**

e ISBN 978-629-7550-14-5



9 786297 550145



**Angkatan Pertahanan Awam Malaysia,  
Jalan Maktab Perguruan Islam,  
Sungai Merab,  
43000 Kajang,  
Selangor Darul Ehsan**

**Jabatan Pendidikan Politeknik Politeknik &  
Kolej Komuniti  
Aras 4-7, Galeria PJH, Jalan P4 W,  
Persiaran Perdana,  
62100 Putrajaya**